

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Perdagangan 3755/2 mengandungi enam soalan esei terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan iaitu soalan 1 hingga 5 dan Bahagian B mengandungi soalan enam sahaja. Calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga soalan daripada Bahagian A, dan wajib menjawab soalan 6 (Bahagian B) yang berbentuk kajian kes. Semua soalan mengandungi beberapa ceraian atau pecahan seperti ceraian a, ceraian b, dan ceraian c.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon bertambah baik iaitu pada tahap baik dan sederhana. Bilangan calon yang mendapat 15 markah ke bawah semakin kurang berbanding tahun 2004. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon-calon yang lemah. Kebanyakan calon berjaya menjawab sekurang-kurangnya satu ceraian dengan baik contohnya ceraian a. Calon dapat menguasai soalan-soalan aras rendah dengan baiknya. Calon masih kurang berkemahiran untuk menjawab soalan aras sederhana dan aras tinggi iaitu dari aspek pemahaman (aplikasi, analisis, dan sintesis) dan penilaian (penyelesaian masalah dan membuat keputusan).

Pada amnya, calon memahami tugas asas soalan, tetapi tidak mampu memberi jawapan yang menepati peraturan pemarkahan. Calon dapat memberi fakta-fakta yang berkaitan tetapi huraian kurang jelas. Kelemahan yang ketara ialah calon tidak dapat menjawab soalan-soalan yang berbentuk aplikasi, membuat keputusan, dan yang berunsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Bagi soalan yang melibatkan pengiraan, ramai calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Bagi soalan-soalan yang berbentuk pemahaman (aplikasi, analisis, dan sintesis) dan penilaian (penyelesaian masalah dan membuat keputusan) prestasinya amat rendah.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Bilangan calon dalam kumpulan ini adalah kecil. Calon memahami kehendak soalan serta mempunyai penguasaan konsep asas yang baik. Persembahan jawapan menarik dan tersusun. Calon dapat mengaitkan fakta-fakta perdagangan dengan tugas soalan. Calon juga dapat memberi jawapan yang spesifik berserta huraian yang jelas.

Mutu jawapan calon adalah baik dari aspek berikut:

- i. Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan fakta seperti dalam peraturan pemarkahan terutamanya untuk soalan 1 dan 6.
- ii. Calon dapat menghuraikan isi jawapan secara tersusun dan jelas berserta dengan contoh.
- iii. Calon menyampaikan jawapan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, ringkas, laras bahasa yang tepat dan tulisan calon kemas dan bersih.
- iv. Terdapat calon yang mampu memperoleh markah maksimum.

Contoh-contoh berikut adalah jawapan calon terpilih bagi semua soalan dalam kumpulan ini.

Soalan 1a

a) Antara faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti ini ialah

- Tanah yang merupakan sumber semula jadi yang dikurangkan oleh lahan. Contohnya seperti air laut. Tanpa faktor pengeluaran ini, aktiviti penangkapan ikan juga tidak akan wujud kerana faktor ini membolehkan ikan, sotong, dan sebagainya.
- faktor yang kedua adalah buruh. Aktiviti penangkapan dilakukan oleh buruh yang merupakan tenaga pekerja manusia. Manusia yang menjalankan aktiviti ini dan aktiviti ini dikenali sebagai buruh. Buruh boleh dibahagikan kepada tiga iaitu buruh mahir, buruh separuh mahir serta buruh tidak mahir. Contoh buruh ialah nelayan.
- Modal juga merupakan salah satu faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan. Modal juga diberi dalam bentuk wang, mesin dan sebagainya. # Antara modal yang terlibat dalam aktiviti ini ialah (sahap, dan jala) yang digunakan untuk menangkap ikan.

Jawapan calon tepat dari segi fakta, huraian dan contoh

Soalan 2a

2 a) i - jumlah faedah yang perlu dibayar untuk belian secara kredit

a.

i. belian secara kredit = $600 + (100 \times 24)$
 $= 3000$
 jumlah faedah = $(RM 3000 - RM 2500)$
 $(= RM 500)$

ii. kadar faedah setahun = $\frac{500}{2500}$
 $= \frac{250}{2500} \times 100$
 $(= 10\%)$

Jawapan tepat dengan menunjukkan formula dan langkah pengiraan yang betul. Jawapan calon juga tersusun.

Soalan 3b

(b) Sumbangan industri kecil dan sederhana kepada negara ialah (mengurangkan ~~ke~~ kadar pengangguran di negara ini. Hal ini daripada perniagaan IKS ini (^{pekerja lepas} individu yang tidak mempunyai ^{pekerja tetap} nilai pendidikan juga boleh bekerja di IKS). Hal ini disebabkan IKS tidak mengambil berat ~~mas~~ tentang pendidikan (KS juga memberikan latihan asas kepada individu yang menceburi bidang ini). Hal ini akan (^{latihan & pengetahuan lepas} meningkatkan) latihan ^{pekerja} dan kemahiran pekerja IKS dalam perniagaan IKS yang sentiasa melakukan ~~lat~~ kerja dalam semua bidang ~~dan~~ dapat bersaing dengan pekerja firma besar dalam kemahiran. ~~Meny~~ Pertumbuhan ekonomi negara juga dapat ditingkatkan. ~~Hal~~ Hal ini disebabkan kerana ~~komponen-komponen~~ yang dibekalkan kepada firma besar akan menguntungkan IKS) (~~mengurangkan~~ ^{meningkatkan} eksport barang pengguna kerana barang pengguna digantikan oleh IKS ^{pengguna beli barang} (barang pengguna telah digantikan dan telah ^{tempat} dapat mengurangkan tempat bergantung kepada negara luar).

Jawapan calon tepat. Calon mengemukakan fakta dan huraian menepati kata tugas dalam soalan.

Soalan 4b

b) Bentuk pulangan yang diterima oleh Aaron ialah Ben dan Andy ialah dividen faedah ^(se) simpanan tetap dan satu ~~se~~ sijil penyertaan dari dividen seta bonus.)

4 (b)

(ii) Risiko pelaburan Aaron adalah rendah. Ini kerana pelaburan Aaron dijamin oleh kerajaan. GLIS merupakan pelaburan dalam ben dan sekuriti kerajaan.

Risiko pelaburan Ben juga adalah rendah. Pelaburannya adalah selamat dan dijamin oleh pihak bank. Sekiranya kecunggan berlaku, pihak bank akan menggantikan semula wang Ben.

Risiko pelaburan Cindy adalah tinggi ini kerana harga saham boleh turun naik akibat aktiviti spekulasi, keadaan politik dan keadaan ekonomi. Khabar angin yang tenampan boleh menyebabkan harga syer Cindy tidak stabil atau merugikannya.

Calon dapat menentukan bentuk pulangan dan tahap risiko dengan tepat.

Soalan 5b

- b) (i) Telefon dapat memudahkan pelancong (menghubung) Syarikat Indah Travel untuk (^{berunsan secara} membuat tempahan) atau (^{lisan} menanyakan soalan) tertentu selain itu telefon juga dapat memudahkan pengurusan kepada Syarikat Indah Travel.
- (ii) Telefaks juga dapat memudahkan pengurusan selain itu telefaks juga dapat (menyampaikan maklumat) berkaitan apa yang di soal oleh pelancong dalam (bentuk teks). Pelancong juga dapat membuat (^{tempahan} tempahan dalam) bentuk teks.
- (iii) Internet dapat (^{melalui} mempertingkatkan Syarikat Indah Travel kepada pelancong di seluruh dunia) selain itu juga pelancong juga (^{akses} dapat mengetahui maklumat) dengan melagari laman web) syarikat Indah Travel.

Calon dapat menghuraikan kegunaan alat komunikasi dengan jelas seperti dalam situasi yang diberi.

Soalan 6a

(a)

Pengangkutan yang paling sesuai digunakan oleh syarikat cicap sdn. Bhd untuk mengeksport kelebihannya ke Filipina ialah kapal kargo.

Pengangkutan ini sesuai kerana kuantiti barang yang dihantar adalah banyak dan pukal iaitu 10 juta burger 'MORE'. Kapal kargo mempunyai wang luas yang boleh digunakan untuk menempatkan burger yang banyak berbanding dengan kapal terbang yang mempunyai ruang muatan terhadap dan had berat kargo yang rendah.

Kapal kargo juga harus digunakan kerana kosnya adalah lebih murah berbanding kapal terbang. Kapal kargo mudah ditempah melalui ejen persidangan perkapalan pada satu harga tetap yang berpatutan.

Kapal kargo juga harus digunakan kerana jarak perjalanan adalah jangkau iaitu ke Filipina. Kapal kargo mempunyai jadual pelayaran terancang dan dapat memastikan barang iaitu burger 'MORE' sampai ke pelabuhan di Filipina.

Selain itu, kapal kargo juga mempunyai kemudahan khas seperti 'penyetoran sejuk' bagi menyimpan barang mudah rosak seperti burger 'MORE' dan menjamin kuantiti burger 'MORE' - kapal kargo boleh digunakan untuk mengangkut pelbagai barang.

Selain itu, risiko kerosakan dan kehilangan serta kehilangan burger di kapal kargo adalah rendah kerana burger akan diawasi oleh penyelia dan nakhoda untuk memastikan keselamatannya.

Selain itu, kos burger yang murah tidak harus menganggu pengangkutan malah seperti kapal terbang

Calon dapat membuat keputusan pemilihan jenis pengangkutan yang tepat. Jawapan calon disokong dengan fakta dan huraian yang menepati situasi dalam kes.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Bilangan calon dalam kumpulan ini ramai. Calon dalam kumpulan ini dapat menjawab soalan setakat aras pemahaman untuk kebanyakan soalan. Ketepatan jawapan hanya pada sebahagian ceraihan soalan sahaja. Bagi ceraihan soalan aras tinggi, calon tidak dapat memberi jawapan yang baik. Mereka tidak dapat menguasai soalan berbentuk penyelesaian masalah dan soalan berbentuk kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Mutu jawapan calon adalah sederhana dari aspek berikut:

- i. Calon dapat mengemukakan isi atau fakta seperti dalam peraturan permaklahan. Walau bagaimanapun fakta itu tidak diurai dengan jelas serta contoh contoh yang sesuai.
- ii. Calon tidak menguasai sepenuhnya setiap ceraihan soalan. Ini kerana terdapat markah yang baik dalam satu atau dua ceraihan soalan sahaja.
- iii. Calon dapat menyampaikan jawapan dengan susunan bahasa baik tetapi terdapat keterangan yang kurang jelas dan fakta yang berulang-ulang.
- iv. Laras bahasa yang digunakan masih betul selari dengan konsep perdagangan.

Contoh-contoh berikut adalah jawapan calon terpilih bagi semua soalan dalam kumpulan ini.

Soalan 1b

Pengeluaran ialah barang atau perkhidmatan yang dipeluarkan untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia. Terdapat beberapa faktor dalam pengeluaran. Antaranya faktor tanah (hasil sumber bumi) hasil bumi yang digunakan ~~istat~~ ialah (ikan). Selain itu, gambar nelayan yang ditunjukkan juga adalah faktor (usaha dan modal) seorang nelayan ~~menjadi~~ sanggup menghadapi risiko dengan menangkap ikan. Dia bertindak untuk menangkap ikan dan dijual kepada pemborong. Ikan yang ditangkap itu juga adalah sebagai modal untuk mencari keuntungan (Modal) yang lain adalah seperti (stamper) yang digunakan olehnya. Pengeluaran yang dikaitkan olehnya ialah pengeluaran secara langsung. Tetapi cara diri pengeluaran ini tidak membolehkan pihak lain yang melibatkan diri dalam dan keluarganya. Pengeluaran ini juga boleh ditubuhkan pengeluaran langsung iaitu melibatkan pihak lain dan adanya penghasilan ini kerana seorang nelayan yang menjual hasil tangkapannya kepada pemborong.

Calon dapat menjawab soalan 1 dengan baik. Walau bagaimanapun jawapan bagi soalan kurang fakta. Oleh itu calon tidak mendapat markah penuh.

Soalan 2c

No. soalan: 2 (c) 8

Antara faktor yang menyebabkan wujudnya perniagaan antarabangsa adalah (iklim sesebuah negara berbeza) sebagai contoh, Malaysia mempunyai iklim yang sesuai untuk kegiatan tanaman seperti tanaman padi. Manakala negara Barat mempunyai iklim yang sejuk dan sesuai untuk menanam pokok epal.)_{f1}

setiap negara dikurniakan (sumber alam yang berbeza.)_{f1} sebagai contoh, Malaysia dikurniakan tanah yang subur untuk menanam padi dan kelapa sawit secara besar-besaran. |_R

setiap negara berada dalam tahap ekonomi dan (teknologi yang berbeza.) (Jepun yang maju dan berteknologi tinggi menghasilkan dan memuat roket serta industri berat seperti membuat kereta.)_{f2}

sesebuah negara boleh mendapat (hubungan diplomasi) yang_{f3} erat antara negara dengan adanya perniagaan antarabangsa.

Jawapan calon tidak lengkap kerana hanya mengemukakan hanya beberapa fakta dan huraian yang kurang jelas.

Soalan 3b

2) Sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada negara ialah, ia dapat meningkatkan ekonomi negara. Ekonomi negara akan lebih tinggi dengan adanya IKS. Selain itu negara juga dapat (mengurangkan kadar pengangguran.)_{f1} Ini kerana dengan wujudnya IKS banyak penganggur yang (mendapat pekerjaan) IKS juga dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat di negara kita. Dengan adanya IKS negara tidak perlu mengimport daripada luar negara. Ia dapat mengurangkan import daripada negara luar. Negara kita juga dapat (menghasilkan barangan ^{ke pasaran tempatan} buatan sendiri.)_{f2} Malaysia akan laya dengan barangan buatan sendiri.

Jawapan calon kurang fakta yang tepat. Keterangan yang ditulis juga kurang jelas.

Soalan 4c

c) Premium yang perlu dibayar oleh Encik Samsul dan Cik Suria berbeza disebabkan :
i) jantina sidi insurans.
Kadar premium yang perlu dibayar oleh bergantung kepada jantina kerana lelaki biasanya lebih cepat tinggi kadar premiumnya daripada perempuan.
ii) umur sidi insurans
Hal ini kerana, perempuan umurnya lebih lama daripada lelaki yang umurnya lebih singkat.
iii) jumlah yang diinsuranskan
Semakin banyak jumlah yang diinsuranskan, maka semakin banyaktah gantinya yang akan diterima.
iv) polisi insurans
Polisi insurans bergantung kepada sejauh mana risiko untuk mendapat kemalangan itu berisiko tinggi ataupun rendah.

Jawapan calon hanya ditumpukan kepada dialog dalam soalan. Oleh itu calon terpengaruh dengan petikan dialog dan tidak mampu menerangkan faktor yang mempengaruhi premium insurans.

Soalan 5a

a). Pn. Ratomah menggunakan kredit pembayaran prasayar / krm. vth. berurusan dgn. lebih mudah, (Selamat) dan menjimatkan masa. Penggunaan kad kredit dpt. mengatasi masalah atau kesulitan dim. proses pembayaran, malah ia juga (Selamat) dgn. tdk. perlu membawa wang tunai dim. jumlah yg. banyak) dan sebagai digunakan di mana-mana sahaja. →
b). At Aktiviti mempromosikan program "Cuti-cuti Malaysia" oleh Syarikat Indah Travel Sdn. Bhd. dpt. dibantu dgn. penggunaan alat- alat seperti Telefon, Telefaks dan Internet. Syarikat tersebut boleh menggunakan Internet vth. (mempromosikan) program diatas agar staf promosinya (lebih meluas). (lebih akses) Telefon digunakan vth. berkomunika- si) dgn. pelanggan-pelanggan yg. membuat tempahan vth. menyukai program ini. Telefaks digunakan vth. (menghantar fakt faks) dan promosi lca Syarikat-Syarikat atau Sekolah- sekolah yg. ingin ingin (membuat tempahan) bas.

Jawapan calon kekurangan fakta. Oleh itu calon tidak dapat mengaitkan fakta dengan situasi dalam soalan.

Soalan 6a

b). Tempat yang sesuai untuk mengatasi masalah penyimpanan barang yang siap dibungkus ialah di gudang. Pengeluar barang 'Aneri' perlu mempunyai gudang pengeluar untuk menyimpan keluaran sendiri. Gudang untuk menyimpan barang bukanlah (gudang penyimpanan akhir) kerana barang memerlukan suhu yang rendah. Gudang ialah tempat menyimpan barang. Manakala persudangan ialah tempat menyimpan barang dan + sebarang dikeluarkan ke pasaran. Gudang mempunyai (ruang yang luas) oleh itu barang dapat disimpan dengan baik. Malah gudang juga selamat dari (tindakan kebakaran) dan (kecurian) kerana (mempunyai ciri keselamatan seperti Selamat pengawal dan alat pemadam). Malah gudang juga dapat mengawal harga barang di pasaran. Apabila ada permintaan pengeluar & mengeluarkannya.

Jawapan calon menepati sebahagian kehendak soalan. Walau bagaimanapun calon tidak mampu memberi alasan cukup untuk menyokong jawapan calon.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Secara keseluruhan, prestasi jawapan calon adalah tidak memuaskan. Ramai calon menjawab empat soalan tetapi markah yang diperolehi hanya pada satu ceraihan soalan sahaja. Terdapat calon yang tidak mendapat sebarang markah. Calon hanya menguasai soalan berbentuk pengetahuan asas. Mereka tidak dapat mengingati fakta dan memahami konsep-konsep asas dalam perdagangan. Penguasaan Bahasa Melayu adalah sangat lemah. Sebahagian calon sekadar menyalin semula soalan sebagai jawapan.

Mutu jawapan calon adalah tidak memuaskan dari aspek berikut:

- i. Calon tidak menjawab dengan tepat dan kerap kali salah konsep.
- ii. Calon tidak dapat mengemukakan fakta dengan betul.
- iii. Jawapan calon ringkas, tanpa keterangan, penjelasan yang umum dan tidak disokong dengan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti perdagangan.
- iv. Jawapan calon sukar difahami kerana menggunakan ayat yang panjang serta penggunaan laras bahasa yang tidak selari dengan aktiviti perdagangan.

Contoh-contoh berikut adalah jawapan calon terpilih bagi semua soalan dalam kumpulan ini.

Soalan 1a

- Faktor pengeluar yang terlibat di dalam aktiviti tersebut ialah:-
 - (nelayan) yang membekalkan segala keperluan iaitu ikan yang ditangkap kepada pembersang.
 - pembersang mengambil maklum dengan membeli hasil tangkapan tersebut untuk dijual.
 - pembersang menjual ikan yang dibeli kepada pengguna.

Jawapan calon tidak menepati peraturan pemarkahan. Konsep yang diterangkan tidak tepat.

Soalan 2a

- No. soalan: 501-2 (2)
- Raddah yang pula dibayar untuk belian secara caru credit ialah dengan pendahuluan deposit sebanyak RM 600
 - kadar Raddah dalam setahun pula ialah sebanyak RM ~~2400~~ ²⁴⁰⁰ dengan bayaran bulanan sebanyak RM 100 x 24.
- Pengeluar
- akan mengalami kerugian yang besar jika jumlah pembeli tidak habis dijual.
 - stok akan di dukakan jika pembeli yang dibeli oleh pengguna tidak dapat digunakan.
 - pengeluar mungkin ditimpa keresahan sekiranya kadar harga di dalam pembeli tersebut tidak mencukupi.
 - pengeluar akan bantut sekiranya terdapat bulatannya (pembinaan)

Pengguna -

- jumlah pembeli tersebut ($I = b \cdot r \cdot s \times b$ dipulsi^h tidak boleh dikur) sekiranya pengguna awai.
- pengguna (tidak akan mendapati ganti rugi)
- sekiranya jumlah pembeli tersebut rasat ($I = x \cdot d \cdot p$ untuk pengguna awai) tidak boleh berbuat apa-apa)
- pengguna mungkin ditipu oleh pengeluar. |TR

Jawapan calon tidak disokong dengan pengiraan. Fakta yang dikemukakan adalah berdasarkan pengetahuan umum sahaja.

Soalan 3a

IKS diklasifikasikan sebagai industri kecil dan sederhana kerana:-

- (tidak mem. menggunakan jentera-jentera besar.) $I = \text{teknologi rendah}$
- melakukan sesuatu benda atas permintaan orang ramai
- keluaran yang rendah (membuat sesuatu produk dengan kecil-kecilan) hanya di dalam Malaysia sahaja. |T

Jawapan calon tidak menepati kehendak soalan kerana tidak mengkaji stimulus yang diberikan dalam soalan. Jawapan calon berbentuk umum sahaja.

Soalan 4c

Jangin berbeza kerana:-

- Encik Shamzul adalah seorang kontraktor yang bekerja dibantu dengan seorang perundingan.
- Cik Soria adalah seorang guru yang bekerja di pejabat.
- Encik Shamzul harus membayar lebih daripada Cik Soria disebabkan kemungkinan yang akan ditanggung oleh Encik Shamzul sekiranya berlaku kemalangan.

Jawapan calon tidak tepat dan tidak dapat menggunakan konsep perdagangan yang tepat.

Soalan 5a

- Puan Rahmah menggunakan sistem peredaran tersebut
 kerana -
 - mudah dibawa kemana-mana
 - tidak perlu membawa wang tunai.
 - risiko yang perlu diambil adalah risiko berbanding
 wang tunai.
 - (sukanya berbanking) = selamat di risiko kecurian
 kerana Pa. Rahmah tidak
 kerap menggunakan
 - kad kredit hanya boleh digunakan dengan menggunakan
 memasukkan kecek pin yang dia dapat oleh pemiliknya. TR

Jawapan calon kekurangan fakta dan keterangan diberi tidak relevan.

Soalan 6a, b, c

syarikat cipit sdn. bhd. perlu mengeksploit barangnya
 dengan menggunakan (kapal terbang kargo) kerana
 ia lebih banyak keuntungan yang baik dibawa
 dan (lebih cepat).
 Penyimpanan burger yang telah siap masak di simpan
 di dalam sebuah bangunan atau gudang untuk
 mengelakkan kesesakan. TR.
 (Pemasakan) dapat membantu memesatkan produk
 dengan lebih awal dan lebih sistematik. TR
 Pembangunan produk dapat menyimpan sig-1
 lebih banyak burger yang telah siap lebih
 awal dengan baik. TR

Calon telah membuat pilihan alternatif yang tepat bagi jawapan 6a. Tetapi tidak memberi alasan yang munasabah. Manakala bagi jawapan 6b dan 6c calon sekadar mampu mengemukakan jawapan secara umum.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian ini adalah tertumpu kepada kupasan mutu jawapan calon berdasarkan kekuatan, kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh calon bagi setiap soalan.

Soalan 1(a).

Kekuatan calon

Calon dapat mengemukakan faktor pengeluaran dengan tepat serta huraian yang jelas. Contoh-contoh dapat dihubungkan dengan gambar dalam soalan.

Contoh petikan jawapan calon

Faktor pengeluaran terlibat adalah tanah. Tanah merujuk kepada sumber alam semulajadi. Sumber bagi aktiviti tersebut ialah hidupan laut seperti ikan dan udang. Faktor pengeluaran kedua ialah modal iaitu alat kemudahan yang digunakan seperti sampan. Faktor pengeluaran yang terakhir ialah tenaga buruh iaitu pekerja yang menggunakan tenaga fizikal melakukan kerja seperti nelayan.

Kelemahan calon

Calon tidak mengemukakan fakta dan huraian serta contoh yang lengkap bagi faktor pengeluaran. Calon kehilangan markah kerana huraian yang berulang-ulang. Calon juga tidak dapat menyatakan faktor pengeluaran dengan tepat.

Contoh petikan jawapan calon.

a) - Tiga faktor pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti itu ialah
i) - <u>Tenaga Buruh.</u>
- Tenaga Buruh yang mencukupi akan menambahkan hasil pengeluaran di dalam sesuatu bidang perniagaan. Tenaga buruh yang mencukupi juga akan memperbanyakkan aktiviti pengeluaran.
ii) <u>Pengangkutan</u>
- Setiap pengangkutan yang digunakan akan mempengaruhi jumlah hasil pengeluaran yang dihasilkan. Contohnya seperti penggunaan sampan akan membataskan jumlah hasil pendapatan tangkapan kerana tidak berupaya untuk sampai ke laut dalam yang lebih mampu mendatangkan hasil tangkapan yang lumayan. Pengangkutan yang digunakan juga akan mempengaruhi jumlah perangkap yang tangkapan kerana mempunyai ruang yang terhad untuk menempatkan hasil.

iii) <u>Bahan mentah</u>
- Bahan mentah merupakan satu faktor pengeluaran yang penting kerana daripada bahan mentahlah ia akan dijadikan produk. Contohnya seperti ikan yang mana akan dijadikan makanan, jualan, produk-produk lain seperti industri penternakan dan sebagainya.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menyatakan cabang pengeluaran sebagai faktor pengeluaran. Seterusnya memberikan jenis-jenis pengeluaran. Fakta-fakta yang ditulis bercampur aduk dengan maksud pengeluaran.

Contoh petikan jawapan calon

Tiga faktor pengeluaran ialah ekstraktif iaitu faktor pengeluaran dari alam semulajadi. Pengangkutan iaitu menggunakan sebuah sampan untuk menangkap ikan. Perkilangan iaitu menghantar hasil tangkapan ke kilang. Pengeluaran yang terlibat dalam aktiviti di atas ialah pengeluaran langsung.

Soalan1b(i)

Kekuatan calon

Calon dapat mengemukakan jenis perkhidmatan perbankan yang membantu peniaga dengan tepat. Ini merupakan perkara asas yang sepatutnya calon kuasai.

Contoh petikan jawapan calon

<p>Perbankan membantu aktiviti perniagaan dalam negeri dengan menyediakan kemudahan penyimpanan wang ke dalam akaun semasa, akaun simpanan dan akaun simpanan tetap. Keselamatan wang akan terjamin.</p> <p>Perbankan juga menyediakan kemudahan pembayaran bagi membantu peniaga mengutip hasil dan melangsaikan hutangnya. contoh adalah pindahan kredit, debit kemas, perintah sedia ada, draft bank dan sebagainya.</p> <p>Perbankan juga menyediakan kemudahan pembiayaan bagi membantu peniaga memulakan perniagaan serta memperkembangnya. contohnya adalah kemudahan overdraf dan pinjaman.</p>

Perbankan juga menawarkan pelbagai simpanan kelestarian untuk peniaga menyimpan barang berharga seperti getah tanah, polisi insurans ~~dan~~ lain meminimumkan risiko kebakaran.

Kelemahan calon

Calon tidak dapat menyatakan lima fakta untuk peranan perbankan. Calon hanya mampu memberikan dua atau tiga kemudahan perbankan yang membantu peniaga. Jawapan calon hanya menepati sebahagian peraturan permarkahan.

Contoh petikan jawapan calon

Membuat pinjaman dari bank secara overdraf dan mengendalikan kad kredit. Perbankan dapat memberikan pinjaman dan menerima simpanan. Membuat pinjaman dari bank. Membuat pinjaman untuk memulakan perniagaan.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon tidak dapat membezakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh bank dan insurans. Kebanyakan calon beranggapan bahawa perlindungan insurans diberikan oleh pihak bank.

Contoh petikan jawapan calon.

Perbankan merupakan bantuan perniagaan ~~dan~~ kerana membeli pinjaman wang kepada peniaga sebagai modal untuk berniaga. Perbankan juga bersifat insurans kepada peniaga apabila menghadapi risiko, pinjaman wang dari perbankan kepada peniaga supaya meneruskan perniagaan. Perbankan juga menolong peniaga peniaga menyimpan wang keuntungannya semasa berniaga. Perbankan juga memberikan kemudahan contohnya, ~~dan~~ Bank mengeluarkan buku cek supaya memudahkan peniaga ^{dan pada} membawa sejumlah wang besar dan menghadapi risiko merompak.

Soalan 1b(ii)

Kekuatan calon

Calon dapat menerangkan dengan jelas bagaimana promosi membantu aktiviti perniagaan kerana tajuk promosi merupakan fakta asas kepada bidang perdagangan.

Contoh petikan jawapan calon

Promosi membolehkan perniagaan meluaskan pasaran dan menyampaikan maklumat. Promosi juga boleh memujuk dan menarik perhatian pengguna untuk membeli. Ia juga menaikkan imej perniagaan serta dapat bersaing di pasaran.

Kelemahan calon

Calon hanya dapat memberikan sebahagian daripada huraian yang diperlukan dan jawapan yang ringkas.

Contoh petikan jawapan calon

Promosi sebagai iklan dan merupakan bantuan perniagaan. Promosi ~~melite~~ melicinkan perniagaan dan ~~melite~~ menarikan barang dijual oleh peniaga. Promosi juga bertujuan menjual stok yang disimpan lama supaya dijual dan tidak rosak barangan disimpan lama. Promosi memberi maklumat ~~ini~~ barangan baru di pasaran supaya diterima oleh pasaran. Contohnya Encik Abu membuat promosi apabila kilangnya mengeluarkan Shampoo yang baru.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Jawapan calon terlalu umum tanpa memberi penjelasan khusus berkaitan peranan promosi kepada peniaga.

Contoh petikan jawapan calon

ii) Promosi
- Promosi dapat membantu aktiviti perniagaan dalam negeri dengan dapat mengembangkan aktiviti perniagaan terbabit supaya lebih berjaya dan juga boleh membuaftkan aktiviti perniagaan terbabit berkembang maju.
Sebagai contoh jika promosi mengenai produk yang diketarkan oleh syarikat berkenaan maka secara tidak langsung permintaan terhadap produk berkenaan

akan ditambah dan membuatkan syarikat itu akan berkembang maju. Selain itu promosi juga akan dapat membantu untuk menarik perhatian pengguna untuk membeli atau mendapatkan produk yang dihasilkan dan juga akan menambahkan hasil keuntungan kepada syarikat tersebut. Selain itu juga promosi dapat membantu menghabiskan produk-produk yang kurang mendapat sambutan dengan mengadakan jualan murah kepada pengguna atau pelanggan dan ia dapat mengeluarkan lebih stok atau produk.

Soalan 1c

Kekuatan calon

Calon dapat mengemukakan alasan yang tepat berserta huraian dan contoh yang jelas berkaitan kelebihan pasar raya kepada pelanggan. Ini berkemungkinan calon mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan pasar raya.

Contoh petikan jawapan calon

1) Pasar raya menjadi pilihan pengguna kerana menawarkan barang-barang pada harga yang lebih murah. Pasar raya membeli secara pukal dari pengeluar lalu mendapat diskaun niaga yang tinggi ini menyebabkan barang-barang lebih murah.

Pasar raya juga menawarkan pelbagai kemudahan seperti troli, penghawa dingin dan sebagainya. Kemudahan ini menambah keselesaan pengguna ketika membeli belah.

Pasar raya juga mempunyai pelbagai pilihan barang di bawah satu bumbung dan bertempat di lokasi strategik iaitu di pusat bandar. Ini menjimatkan kos, masa dan tenaga pengguna.

Kelemahan calon

Jawapan yang dihuraikan oleh calon tidak lengkap. Contohnya calon hanya mampu mengemukakan satu atau dua fakta. Terdapat juga huraian calon yang bercanggah dengan fakta yang ditulis.

Contoh petikan jawapan calon

Tiga sebab pasar raya menjadi pilihan pengguna adalah itu barang yang di pasar raya telah diperga, pengguna namak dan kemudahan pengguna untuk membeli barang yang hendak beli. Yang kedua ialah, pasar raya biasanya telah terletak di kawasan yang strategik, memudahkan pengguna untuk membeli barang di sana dan juga telah mengimpartkan masa. Yang ketiga ialah pasar raya mengad (menyediakan pelbagai kemudahan seperti troli, perisai, kawa, lif, tempat letak kereta dan sebagainya kepada pengguna) dan pengguna dapat kemudahan untuk membeli belah. Yang keempat ialah barang harga yang di pasar raya adalah tetap, tidak perlu membongkok dalam ketipuan.)

Jawapan calon ini hanya menyatakan fakta berkaitan pasar raya tanpa menghuraikannya.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon telah mengemukakan fakta yang salah dan alasan yang diberi adalah dari perspektif peniaga. Sebaliknya calon dikehendaki mengemukakan alasan dari perspektif pengguna.

Contoh petikan jawapan calon

3 sebab pasar raya menjadi pilihan adalah mendapat diskaun yang murah daripada pengeluar. Peniaga boleh membeli secara pukal. Hasil jualan lumayan kerana mudah mendapat tunai. Pasar raya mudah mendapat untung yang banyak. Ini memberi pulangan yang tinggi. Hasil keuntungan dapat menyediakan kemudahan troli, kawa, lif. Pengguna membeli dalam sekata.

Soalan 2a

Kekuatan calon

Calon dapat menunjukkan cara penghitungan dengan betul dan jawapan yang diberi tepat. Susun atur penghitungan adalah jelas dan mudah difahami.

Contoh petikan jawapan calon

$$\begin{aligned} \text{Bayaran bulanan} &= \text{RM}100 \times 24 + \text{RM} 600 \\ &= \text{RM}3000 \\ \text{Harga tunai} &= \text{RM}2500 \\ \text{Jumlah faedah} &= \text{RM}500 \\ \\ \text{Jumlah faedah setahun} &= \text{RM}500/2 \\ &= \text{RM}250 \\ \text{Kadar faedah setahun} &= (\text{RM}250/\text{RM}2500 \times 100)\% \\ &= 10\% \end{aligned}$$

Kelemahan calon

Susun atur kiraan tidak lengkap. Calon mampu menjawab kiraan bahagian (i) dan tidak dapat meneruskan dengan kiraan untuk bahagian (ii)

Contoh petikan jawapan calon

$$\begin{aligned} \text{Deposit} &= \text{RM}600 \\ \text{Bayaran bulanan} &= \text{RM}100 \times 24 \\ &= \text{RM}2400 \end{aligned}$$

Jawapan terhenti setakat ini sahaja tanpa mengira jumlah faedah

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon hanya memberikan jawapan tanpa menunjukkan pengiraan.

Contoh petikan jawapan calon

$$\begin{aligned} \text{Jumlah faedah} &= \text{RM}500 \\ \text{Kadar faedah setahun} &= 10\% \end{aligned}$$

Calon kehilangan markah kerana tidak menunjukkan susun atur menghitug.

Calon juga melakukan kesilapan penghitungan walaupun tahu kaedah mengira faedah sewa beli. Ini merupakan kecuaiian yang sering dilakukan oleh calon.

Contoh petikan jawapan calon

Soalan 2 (a) (ii)

Kadar faedah setahun:

$$\frac{\text{pokok} \times \text{kadar peratusan} \times \text{tempoh masa}}{100}$$
$$\frac{1900}{2500} \times 100\% \times 1 = \frac{19 \times 100}{25}$$
$$= 76\%$$

Soalan 2b

Kekuatan calon rujuk lampiran

Calon dapat menyatakan fakta serta menghuraikan kekurangan kaedah jualan pra bayar kepada pengeluar dan pengguna dengan jelas.

Contoh petikan jawapan calon

- i) Kaedah jualan pra bayar mempunyai kekurangan kepada pengeluar.
- Pengeluar terpaksa menanggung liabiliti kerana masih belum menyerahkan barang atau perkhidmatan dan berhutang kepada pelanggan. Pengeluar akan didakwa jika gagal memenuhi kehendak pelanggan.
- Selain itu, pengeluar terpaksa menanggung kos untuk mengendalikan rekod pelanggannya. Hal ini kerana pengeluar perlu sentiasa mengemaskini rekod ini dengan pelanggan untuk mengelakkan kerugian dan tuntutan palsu.
- ii) Pengguna tidak dapat menguji dan melihat barang sebelum. Justeru, barang yang diterima mungkin tidak memenuhi kehendaknya. Pengguna akan mengalami kesulitan mendapatkan wangnya semula.

Pengguna mungkin tidak akan menggunakan barang tersebut - Insan, pengguna telah membazirkan duitnya.

Kelemahan calon

Huraian jawapan calon tidak menepati konsep kaedah jualan pra bayar. Calon menghuraikan secara umum tentang perniagaan.

Contoh petikan jawapan calon

Dua kekurangan kaedah jualan prabayar pada pengeluar ialah Pengeluar tidak dapat untung yang banyak daripada cara tersebut. Dengan penggunaan jualan prabayar pengeluar terpaksa mengeluarkan kos yang banyak untuk menydrakan kad-kad prabayar tersebut.

Selain itu juga pengeluar terpaksa bersaing dengan pengeluar-pengeluar lain bagi mendapat keuntungan. Pengeluar terpaksa mengadakan pelbagai promosi bagi mengiatkan penjualan prabayar ini.

Soalan 2 (ii)

Dua keburukan atau kekurangan kaedah jualan bagi pengguna pula ialah pengguna mungkin tertipu dengan penjualan kad-kad prabayar ini. Pengguna berisiko mengalami penipuan kerana jualan prabayar ini sangat sebarang didapati dan membolehkan sesetengah individu menglonkan kad-kad ini.

Selain itu keburukan kaedah jualan bagi pengguna ialah leceh. Individu terpaksa menambahkan nilai ^{atau} apabila habis, hendak menggunakannya. Jika menggunakan telefon biasa kita hanya perlu membayar bil pada hujung bulan sahaja. Penggunaan kad prabayar hanya didapati sesetengah kadar sahaja.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menerangkan jualan prabayar sebagai jualan kredit. Calon juga membuat perbandingan jualan prabayar dengan jualan kredit

Contoh petikan jawapan calon

(i) Pengeluar yang menggunakan kaedah jualan prabayar akan menghadapi persaingan daripada pengeluar lain yang mengamalkan kaedah jualan kredit. Barang-barang yang boleh dijual dengan menggunakan kaedah jualan prabayar adalah terhad. Barang-barang yang pukal dan besar tidak dapat dijual dengan kaedah prabayar.

Soalan 2(c)

Kekuatan calon

Calon berjaya mengemukakan fakta, huraian dan alasan kewujudan perniagaan antara Malaysia dengan negara lain. Calon mampu menginterpretasi teks soalan dengan baik.

Contoh petikan jawapan calon

Perniagaan antarabangsa wujud akibat perbezaan sumber alam semulajadi negara. Dengan demikian, negara-negara saling bertukar barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak rakyatnya. Contohnya, Malaysia mengimport hasil tenusu dari Australia manakala mengeksport minyak kelapa sawit ke Australia.

Perniagaan antarabangsa juga wujud akibat perbezaan tingkat teknologi. Negara-negara yang maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat dapat menghasilkan peralatan canggih yang diimport oleh negara sedang membangun.

Perniagaan antarabangsa juga wujud akibat pengkhususan antarabangsa atau faedah berbanding. Negara mengamalkan pengkhususan dapat mengurangkan kos pengeluaran samutnya dan mengeksport barang pada harga yang murah. Pengeluaran besar-besaran yang dijalankan di negara lain membolehkan negara kita

Kelemahan calon

Calon tidak dapat memberikan jawapan yang lengkap. Terdapatnya jawapan yang mempunyai fakta sahaja, huraian sahaja dan dan huraian yang tidak lengkap.

Contoh petikan jawapan calon

e) Faktor yang menyebabkan wujudnya perniagaan tersebut ialah kerana bahan mentah Malaysia tidak mencukupi dan menyebabkan Malaysia mengimport bahan mentah dari negara luar contoh Malaysia mengimport beras dari Thailand. Permintaan yang tinggi juga menjadi faktor penyebab wujudnya import dan eksport diantara negara ⁱⁿⁱ ~~adalah~~ ^{adalah} kerana permintaan barangan dan perkhidmatan itu terlalu ^{TR} tinggi dan akan memberi keuntungan yang ^{tinggi} ~~bertambah~~. Justeru menjadi hasil ekonomi negara. Perniagaan itu juga berlaku kerana ^{ingin} ~~menjalinkan~~ ^{menjalinkan} hubungan ^{hub. diplomatik} serantau antara negara-negara. Perniagaan itu juga adalah kerana bahan mentah tersebut diperlukan oleh negara lain kerana di negara nya tiada bahan mentah tersebut (mungkin kerana keadaan muka ^{bumi} dan tanah) contohnya (kelapa sawit Malaysia ^{cth.} mengeksport ke Thailand). Perniagaan itu juga berlaku kerana barangan dan perkhidmatan di sesebuah negara itu lebih berkualiti dan bermutu ^{TR} tinggi.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon menerangkan kepentingan perniagaan antarabangsa kepada negara dan tidak menerangkan secara spesifik alasan kewujudan perniagaan antara Malaysia dengan negara lain. Jawapan calon tidak menepati situasi yang diberi dalam teks soalan.

Contoh petikan jawapan calon

Perbezaan iklim dan tanah tanah (fakta yang betul). Contohnya rakyat Afrika terpaksa mengimport beras dan gandum kerana tanah mereka terlalu gersang untuk menanamnya.

(Contoh ini bukan melibatkan negara Malaysia)

Contoh jawapan yang menerangkan kepentingan perniagaan antarabangsa;

- *untuk menampung permintaan Malaysia terhadap sesuatu barang*
- *untuk mewujudkan peluang perniagaan kepada masyarakat*
- *untuk meningkatkan pendapatan negara.*

Contoh petikan jawapan calon

No. soalan: 2 (c)

tinggi. Manakala Malaysia, negara Thailand dan Indonesia hanya dapat mengeluarkan hasil pertanian.

iv) mempelbagaikan pilihan pengguna

- Faktor ini telah menggalakkan perniagaan Antarabangsa supaya dapat mempe ~~membias~~ membolehkan pengguna memilih pelbagai jenis barang.

v) Pengkhususan yang dijalankan

- Pengkhususan yang dijalankan antara negara adalah berbeza. Oleh itu, ~~ber~~ pelbagai jenis barang yang dihasilkan juga berbeza mengikut negara. Contoh, Switzerland ~~memper~~ terkenal sebagai pengeluaran jam tangan.

Soalan 3 (a)

Kekuatan calon

Jawapan calon menepati kehendak soalan. Fakta yang dikemukakan tepat, lengkap dan jelas. Calon juga dapat menganalisis maklumat yang diberi dan menentukan status perniagaan berkenaan sebagai Industri Kecil dan Sederhana.

Contoh petikan jawapan calon

(a) Kerana mempunyai modal sebanyak 1.5 juta. IKs hanya memerlukan menggunakan modal sebanyak ~~5000~~ antara 50 000 hingga 2.5 juta untuk untuk industri sederhana dan lebih jika daripada 50 000 - 2.5 juta untuk industri kecil. Syarikat Kayu Mewah juga hanya mempunyai 120 orang. IKs hanya memerlukan sekurang-kurangnya 50 orang untuk bekerja di industri sederhana dan kurang daripada 150 orang jika industri kecil. Jumlah tahun Syarikat Kayu Mewah adalah 20 tahun. IKs mendapat ~~lebih~~ lebih kurang atau antara 10 juta 50 juta sahaja.

Kelemahan calon

Jawapan yang calon kemukakan adalah umum tanpa menggunakan maklumat yang diberikan.

Contoh petikan jawapan calon.

Modal Syarikat Kayu Mewah adalah kecil dan biasanya adalah simpanan sendiri atau sumbangan daripada keluarga. Mempunyai **pekerja yang tidak ramai** untuk menjalankan perniagaan mereka.

Jawapan calon ini tidak menggunakan angka yang diberikan sebagai hujah dalam jawapan.

Terdapat juga calon mengemukakan fakta yang salah berkaitan ciri Industri Kecil dan Sederhana.

Syarikat Kayu Mewah diklasifikasikan sebagai industri kecil dan sederhana (IKS) adalah kerana syarikat ini sendiri mengeluarkan modal yang sederhana iaitu tidak melebihi RM 2 juta. ^{gaji} Antaranya ialah pengambilan pekerja yang adalah terhad tidak melebihi 200 orang dan tidak me-

libatkan katag Penduduk diluar kawarannya. Antara jumlah
keuntungannya ialah adalah sederhana iaitu sekurang-k
RM 20 juta). Antara Pasaran yang dipasarkan berdasarkan
ialah sekitar negeri kedah sahaja tidak meliputi ke ^{ke} negara ^{negara}
perdagangan antara negeri dengan negeri yang lain.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon cenderung menyamakan Industri Kecil dan Sederhana dengan industri desa. Kemungkinan maklumat berkaitan Industri Kecil dan Sederhana disalah erti oleh calon yang kebanyakannya mengetahui tentang industri desa.

a) Syarikat kayu mewah adalah Industri kecil dan Sederhana (IKS)
kerana pasaran jualannya adalah sekitar di negeri kedah.
Industri kecil dan Sederhana ini dilakukakan oleh penduduk
tempatan @ penduduk kampung. IKS juga tidak memerlukan
pekerja yg ramai dan modal yang digunakan adalah kecil
berbanding dengan industri lain. IKS merupakan industri yg
tidak luas, ia dijalankan secara kecil-kecilan sahaja. IKS
juga untung kerana tidak perlu mengeluarkan modal yang
banyak dan menentu pulangan jualan yang lumayan.

Soalan 3 (b)

Kekuatan calon

Calon dapat memberikan fakta dan huraian yang tepat tentang sumbangan Industri Kecil dan Sederhana kepada negara.

Contoh petikan jawapan calon

(b) Sumbangan Industri kecil dan sederhana kepada negara ialah
(mengurangkan ke kadar pengangguran di negara ini. Hal ini
deripada perniagaan IKS ini (individu yang ^{pekerja lepas} tidak mempunyai ^{pekerja tetap} malu ^{malu}
pendidikan juga boleh bekerja di IKS) Hal ini disebabkan IKS
tidak mengambil berat mas tentang pendidikan. IKS juga memberikan

latihan asas kepada individu yang mencubai bidang ini. Hal ini akan meningkatkan latihan dan kemahiran pekerja IKS dalam perniagaan. IKS yang sentiasa melakukan latihan dalam semua bidang dapat bersaing dengan pekerja firma besar dalam kemahiran. Maka pertumbuhan ekonomi negara juga dapat ditingkatkan. Hal ini disebabkan kerana komponen-komponen yang dibekalkan kepada firma besar akan menguntungkan IKS. (Meningkatkan eksport barang pengangkutan barang pengangkutan) Hal ini disebabkan (barang pengangkutan telah digantikan oleh IKS sebagai pembeli barang) (beruntungan kepada negara luar).

Kelemahan calon

Calon mengemukakan jawapan secara umum. Jawapan tidak tepat kerana kekurangan fakta dan huraian.

Contoh petikan jawapan calon

Industri Kecil dan Sedehane (IKS) dapat mewujudkan peluang pekerjaan. Hal ini kerana IKS memerlukan tenaga buruh yang banyak untuk melancarkan aktiviti pengeluaran dalam IKS. Oleh itu kadar pengangguran negara dapat dikurangkan.)

Kadar pengangguran negara dapat dikurangkan kerana mewujudkan peluang pekerjaan di IKS. Oleh itu, masalah pengangguran negara dapat dikurangkan dan dapat meningkatkan taraf hidup as penganggur yang berhadapan di IKS.

Taraf hidup masyarakat dapat diperbaiki di negara IKS. (foras: IKS) berletak di jauh dari bandar atau di kawasan kampung. Penduduk di sekitar lokasi tersebut dapat bekerja di IKS dan ini dapat meningkatkan taraf hidup mereka kerana mereka boleh menerima gaji pada tempoh tertentu. Selain itu, IKS yang berkembang di lokasi tersebut, juga boleh meningkatkan taraf hidup masyarakat.

(IKS menggunakan sumber bahan mentah di negara kita untuk menghasilkan pengeluaran untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna) Hal ini dapat mengimpartkan kos

ii - Pengurusan Stok

En Baskaran perlu sentiasa peka terhadap stok barang yang dimiliki. Beliau perlu sentiasa memeriksa barang yang sudah habis kemudian pergi (menempah barang) yg tidak ada. Manakala barang yang sudah luput tarikhnya tidak boleh lg dijual) atau (dipamerikan). Ini akan memberi keburukan kpd pelanggan. En Baskaran juga boleh menyediakan pelbagai akaun rekod stok) yg memudahkan memeriksa barangan yang tidak dlm rekod stok. Ini akan melicinkan urusan perniagaan beliau.

Kelemahan calon

Calon mengemukakan beberapa fakta sahaja yang mempunyai maksud yang sama. Fakta ini dianggap berulang. Jawapan calon juga kurang tepat kerana tidak relevan dengan soalan. Calon hanya menceritakan kandungan grafik yang diberi.

Contoh petikan jawapan calon

Melayan pelanggan secara **sopan dan tidak berkasar** dengan mereka. **Melayan** setiap pelanggan **secara peribadi**. **Memberi nasihat dan maklumat** barang kepada pelanggan.
Encik Baskaran perlu **memeriksa segala barang-barang di dalam kedainya**. Dia perlu memenuhi kehendak pelanggan dengan **mendapatkan stok-stok baru**

Ayat yang diberi ini menunjukkan fakta jawapan calon yang dianggap berulang.

i - Melayan pelanggan

Encik Baskaran akan mencari pekerja yang peramah dan sesuai di untuk bekerja di pasar mini. Beliau. Encik Baskaran juga akan sentiasa memberikan cara layanan yang baik terhadap pelanggan. Beliau menyuruh pekerjanya sentiasa menjaga hati pelanggan supaya tidak lari ke pasar mini yang lain.

ii - Pengurusan stok

Encik Baskaran akan melantik beberapa pekerja untuk menyediakan stok yang baru dan menyelidik setiap barangan tersebut sama ada besar ataupun masih boleh digunakan

lagi. Encik Baskaran juga akan sentiasa mengawasi dan melihat pengurusan stok yang dilakukan oleh pekerja adalah dengan cara yang betul ataupun tidak. Dengan pekerja-kerja yang dilakukan dengan betul, ia dapat membantu Encik Baskaran untuk memajukan pasar mininya itu.

Kesilapan yang seringkali ditemui

Calon mengemukakan huraian yang berkaitan dengan situasi grafik tetapi tidak menggunakan konsep asas pengendalian perniagaan seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran.

Contoh petikan jawapan calon

Encik Baskaran perlulah melayan pelanggannya dengan baik dan perlu bersabar dengan apa dialami oleh kedainya. Encik Baskaran perlu melayan pelanggannya supaya bertenang dan bawa berbin cergo mengenai hal ini. (Encik Baskaran juga perlu menerima suguhan dari pelanggan dengan hati yang terbuka mengenai masalah kedainya.)

1) Pengurusan stok

Encik Baskaran perlulah membuat pengurusan stok di kedainya supaya lebih teratur dengan bijak. Sebagai contohnya, dia perlulah menyimpan senarai barangan yang tidak ataupun yang sudah habis dijual bagi mengelakkan ketidakjelasan barangan yang hendak dibalut. Selain itu, Encik Baskaran juga perlulah menyimpan senarai tarikh luput barangan supaya ia tidak mendatangkan kesan buruk kepada pelanggan.

Soalan 4a

Kekuatan calon

Calon dapat menyenaraikan perbezaan ciri-ciri syarikat sendiri berhad dan syarikat awam berhad. Olahan calon juga jelas kerana berupaya menunjukkan perbezaan kedua-dua bentuk pemilikan perniagaan tersebut dengan jelas.